



شجابت بليا دان سوكن داعيره راوب .

PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH RAUB

Kompleks Rakan Muda Raub
Jalan Taman Dun Jaya, Dong
27400 Raub, Pahang Darul Makmur.

Telefon : 09-3658 571
Fax : 09-3658 568
Portal : <http://www.jbsnpahang.gov.my>

Ruj. Tuan :


Ruj. Kami :

Tarikh : PBS/RB/AM.048 Jld.3 ()

23 April 2012.

01 Jamadilakhir 1433H.

SK MAHMUD RAUB	
30/4/12	TINDAKAN
BERIBINGANG	BERIBINGANG
JAWA	JAWA
BAKULAN	BAKULAN
FALESDO	FALESDO
FN. Muthy Zumi	
TAJULDEN BIN YAAKOB GPK Pentadbiran b.p Gara Besar Sekolah Kebangsaan Mahmud 27400 Raub, Pahang	



Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Mahmud Raub
Jalan Cheroh
27600 Raub
Pahang Darul Makmur

Tuan/puan,

KEBENARAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN GELANGGANG BADMINTON, ASRAMA DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI KOMPLEKS RAKAN MUDA RAUB

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan berhubung perkara yang tersebut di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa merujuk kepada perbincangan dan kertas kerja yang telah diberi oleh pihak tuan, bahagian pembangunan sukan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Raub telah meneliti dan membuat keputusan untuk memberi sokongan dan kebenaran kepada pihak tuan untuk menggunakan kemudahan di Kompleks Rakan Muda Raub.
- Pihak Kementerian Belia dan Sukan amnya dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Raub khususnya amat menggalakkan usaha-usaha dalam membangunkan sukan di peringkat akar umbi. Program Kem Bakat Badminton merupakan program asas atau pengenalan sukan badminton yang akan mendedahkan sistem permainan yang betul selain menanam minat dan seterusnya mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan ini hingga ke peringkat akar umbi.
- Sehubungan dengan itu, demi menyahut seruan kerajaan khususnya YAB Perdana Menteri yang mahukan seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama melakukan tranformasi buat Negara termasuk sukan Negara dengan semangat '**Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**', pihak Pejabat Belia dan Sukan Daerah Raub bersetuju untuk membenarkan Program Kem Bakat Badminton ini dijalankan di Kompleks Rakan Muda Raub dengan memberi sokongan penuh dan kemudahan gelanggang badminton, asrama dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian dengan program ini.

'Himpunan Jutaan Belia-Putrajaya Mei 2012'

" 1 BELIA 1 MALAYSIA "

Sila nyatakan bilangan fail kami apabila menjawab.

Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai bagi memajukan sukan Negara.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(MOHD ZOHRI BIN SALEH)

Pegawai Belia Dan Sukan
Daerah Raub.

RMA - Fail Surat LH Baru

"1 BELIA 1 MALAYSIA"
'Himpunan Jutaan Belia-Putrajaya Mei 2012'